

20 DEC 2002

MAHATHIR-CUKAI

DR MAHATHIR BIDAS PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAS PUNGUT CUKAI

BANGI, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap malas pihak berkuasa tempatan dalam menjalankan tugas memungut cukai hingga menyebabkan mereka gagal mendapat pungutan yang baik.

Sambil memuji pihak kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja (KDRM), yang telah membuat pungutan yang baik, Dr Mahathir berkata tindakan akan diambil supaya pihak berkuasa tempatan dapat memungut cukai dengan baik.

"Ini adalah kerana sekiranya tidak cukup duit, mereka minta dari kerajaan sedangkan kita perlukannya untuk kegunaan yang lain," kata beliau dalam amanatnya di upacara penyerahan Surat Aku Janji serta majlis sambutan Hari Raya Aidil Fitri LHDN di Akademi Percukaian Negara, di sini, hari ini.

Beliau juga berseloroh bahawa ramai daripada ahli jawatankuasa pihak berkuasa tempatan terdiri daripada ahli politik dan memungut cukai akan menyebabkan mereka tidak popular.

Perdana Menteri berkata di atas kecekapan LHDN itu juga telah menghasilkan pungutan cukai pada tahun ini melebihi RM40 bilion.

Sebelum itu ketua eksekutif LHDN Datuk Zainol Abidin Abdul Rashid menyatakan bahawa pungutan cukai pada tahun lepas adalah yang terbesar dalam sejarah dan pada tahun ini kutipannya dijangka melebihi 10 hingga 15 peratus daripada jumlah tersebut.

Dr Mahathir berkata walaupun kutipan cukai adalah tinggi tetapi tidak kedengaran banyak sungutan daripada mereka yang terpaksa membayar lebih kerana pendekatan yang digunakan oleh pemungut cukai dapat diterima oleh mereka.

Menurutnya lagi setiap tahun di dalam Bajet, cukai telah dikurangkan dan elaun tak bercukai pula telah bertambah.

Namun begitu, menurut Perdana Menteri, hanya satu juta daripada penduduk Malaysia yang kini berjumlah 24 juta orang, membayar cukai pendapatan.

Katanya di negara-negara lain, kerajaan mereka telah menentukan semua rakyat membayar cukai dan caruman khidmat kesihatan sementara mereka yang berpendapatan tinggi pula perlu membayar lebih.

Kerajaan Malaysia, katanya, tidak mahu menyusahkan para peniaga malah cukai korporat telah diturunkan daripada 48 peratus kepada 28 peratus.

"Walaupun terdapat desakan untuk dikurangkan lagi tetapi kita tidak dapat berbuat demikian. Jika kita turunkan kepada 25 peratus, nanti negara-negara lain akan ikut sama," tambahnya lagi.

Oleh itu, katanya kerajaan tidak bercadang mengurangkan cukai korporat pada tahun ini dan tahun hadapan kerana cukai-cukai lain telah diturunkan.

Menurutnya, sesetengah negara mempunyai peraturan dalam pemungutan cukai dan ada juga yang boleh melakukan tawar menawar hingga menyebabkan mereka kekurangan sumber kewangan untuk memulihkan ekonomi mereka.

Tetapi Dr Mahathir berkata kedudukan kewangan Malaysia sekarang adalah kukuh kerana kerajaan telah berbelanja mengikut kemampuan dan kemudahan-kemudahan yang dibina adalah untuk keselesaan rakyat.

Di samping itu, kerajaan sanggup tentukan perbelanjaan rakyat dapat dikurangkan melalui subsidi seperti penggunaan lebuhraya yang jauh lebih murah berbanding negara lain serta subsidi harga minyak.

"Tetapi jika terlalu banyak subsidi, akan berlaku pengherotan dalam ekonomi. Oleh itu perlu kurangkan subsidi," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata sumbangan rakyat adalah diperlukan untuk mengurangkan beban yang dipikul kerajaan. "Malaysia memberi kemudahan yang sama seperti negara maju tetapi rakyat di sini tidak perlu membayar seperti rakyat mereka,".-- BERNAMA

SHO ZK